

# MAJU AT: PM MUDA S LAGI

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi membidas negara-negara kaya kerana enggan membantu negara miskin mencapai kemajuan.

Bellau kesal masyarakat negara-negara kaya masih belum menerima prinsip, yang kaya harus menolong yang miskin.

"Barangkali ini disebabkan negara-negara miskin tidak berupaya mengancam negara kaya, seperti yang mampu dibuat oleh pekerja-kerja miskin melalui kesatuan-kesatuan sekerja mereka," ujarnya.

Berucap meramikan mesyuarat ke-12 Majlis Saiton Komanwel di sini, hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, salah satu malamat kebanyakan negara membangun, termasuk Malaysia, ialah industrialisasi.

"Untuk menuju malamat sebagai negara perindustrian, kita memerlukan kapakanan dan penyediaan serta tujuk cara dari negara-negara maju dan kaya.

"Dalam hubungan ini, ahli-ahli sains dan tenaga pakar negara maju hendaklah memberi bantuan dan berkongsi pengetahuan saintifik dan teknologi mereka," tegasnya.

## Insaf

Perdana Menteri merayu ahli-ahli sains negara-negara Komanwel supaya tidak semata-mata menjadi ahli sains, tetapi juga sebagai manusia yang insaf.

Katanya, sikap bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dunia, di mana wajar, perlu mengaiti kepentingan-kepentingan sempit negara secegang itu.

"Negara-negara miskin memerlukan bantuan — bukan sedekah, tetapi pertolongan untuk

kemajuan mereka," tegas bellau.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, negara-negara membangun yang miskin, memerlukan bantuan kewangan jika mereka hendak membeli peralatan dan barang keperluan dari negara-negara maju.

"Di sinilah negara-negara maju harus lebih liberal bukan sahaja dalam mengimport barangan dari negara membangun tetapi juga memindahkan pengetahuan saintifik dan teknologi," tambahanya.

Bellau mengingatkan, negara-negara maju tidak perlu bimbang negara membangun akan mengatasi mereka dalam penggunaan pengetahuan saintifik dan teknologi kerana peluang tersebut adalah terlalu tipis.

Bagaimanapun, bellau meyakini, Malaysia akan terus menekankan pendirian berdikari walaupun ia memerlukan kerjasama negara-negara maju untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Pengetahuan saintifik dan teknologi dari Barat tidak boleh diimport dengan begitu mudah ke negara kita. Ia perlu diubahsuai dan dipastikan seocok dengan keperluan-keperluan negara-negara," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya yakin hanya kesanggupan dan kesiediaan berkongsi dan saling bantu-membantu, hubungan antara negara maju dan membangun akan lebih bererti.

Kira-kira 50 wakil dari 32 negara Komanwel menghadiri mesyuarat selama seminggu itu yang berakhir Selasa depan.

Turut hadir di majlis pembukaan rasmi ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong dan Timbalan Setiausaha Agung Komanwel, Chief E.C. Anyoku.

No. Siri ..... 6676 .....  
No. Penerimaan ..... 913 ..... 88